

'Konon rakyat akan hadapi masalah bila matawang menurun'

Jangan terpengaruh dengan hasutan - PM

UM - 7 JUL 1996

PASIR GUDANG 6 Julai —(Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) hari ini mengingatkan rakyat supaya jangan terpengaruh dengan hasutan orang-orang tertentu kononnya rakyat akan menghadapi masalah bila matawang negara menurun.

Dalam pada itu Perdana Menteri mengulangi sokongannya kepada gagasan segitiga emas Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Berucap pada perjumpaan dengan rakyat di Kompleks Pasir Gudang di sini petang ini, beliau menegaskan penurunan matawang negara sebenarnya membawa keuntungan dan tidak menjejaskan negara serta rakyat.

"Tetapi orang-orang tertentu akan sengaja menimbulkannya bagi menyakitkan hati rakyat terhadap kerajaan," tegas beliau.

Menurutnya, penurunan nilai matawang

menyebabkan kosnya rendah dan pengeluaran negara dapat dipasarkan secara meluas di luar negeri.

Katanya: "Atas perbezaan nilai matawang Malýsia inilah ramai rakyat Singapura melancong dan berbelanja di negara ini terutama di Johor."

Perdana Menteri berkata, perkembangan tersebut menyebabkan perniagaan meningkat dan kerajaan mendapat hasil daripada cukai yang dipungut," jelasnya.

Menurutnya, perniagaan di Johor khususnya restoran makanan laut juga dididapati berkembang luas kerana kemasukan pelancong Singapura dan penurunan matawang.

Beliau menyeru rakyat merebut peluang yang terbuka dari kemasukan pelancong dengan menjalankan perniagaan walaupun secara kecil-kecilan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, sebahagian daripada pembangunan yang dicapai oleh negara juga diperolehi daripada penurunan matawang Malaysia.

Beliau menarik perhatian bahawa peningkatan industri di Johor disebabkan keyakinan para pelabur tentang keupayaan pasaran barangan mereka.

"Pembukaan industri-industri itu sudah tentu mewujudkan pula peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat," ujarinya.

Menyentuh gagasan segitiga emas, Perdana Menteri yakin negara dan rakyat akan memperolehi berbagai faedah menerusi gagasan itu.

Beliau menegaskan, banyak kerjasama dan sefahaman yang boleh diwujudkan oleh ketiga-tiga negara menerusi gagasan tersebut.